

# ANALISIS KEFAHAMAN TERHADAP SISTEM PENAMAAN WASI DALAM KALANGAN PENCARUM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Mohd Musa Bin Sarip<sup>1</sup>  
Mohamad Sabri Haron<sup>2</sup>  
Khairul Anwar Mastor<sup>3</sup>

## ABSTRAK

Sistem penamaan wasi merupakan suatu kaedah pengurusan pemindahan harta selepas kematian pencarum yang telah lama dilaksanakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Namun, tahap penglibatan pencarum untuk membuat pelantikan wasi masih dianggap rendah. Kajian deskriptif ini adalah untuk meninjau tahap kefahaman terhadap amalan penamaan wasi dalam kalangan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Seramai 556 orang pencarum KWSP beragama Islam di negeri Selangor dijadikan sampel kajian. Kaedah tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian telah digunakan. Data diproses dan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 20 serta dinyatakan dalam bentuk peratusan min dan sisihan piawai. Kajian ini secara keseluruhannya mendapati bahawa responden mempunyai tahap kefahaman pada tahap sederhana rendah iaitu min 2.73 (sisihan piawai 1.20) terhadap amalan sistem penamaan wasi di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sebagai kesimpulan, tahap kefahaman pencarum boleh dipertingkatkan dengan mengadakan kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran dan perubahan sikap berkenaan sistem penamaan wasi dalam kalangan pencarum KWSP yang beragama Islam.

**Kata Kunci:** Penamaan, Wasi, *Wisoyah*.

## 1.0 Pengenalan

Sistem penamaan terhadap harta alih khususnya masih lagi menjadi isu yang berpanjangan di Malaysia. Isu mengenai penamaan telah menarik perhatian banyak pihak terutamanya berkaitan pengurusan harta alih bagi masyarakat Islam. Walaupun sudah ada fatwa tentang status harta penama, namun masih terdapat banyak pemilik harta alih yang tidak mempedulikan tanggungjawab tersebut. Jika ditinjau dari sudut undang-undang, sistem penamaan yang telah diamalkan sebelum negara merdeka lagi adalah merupakan suatu bentuk arahan yang sah dan pemakaiannya meliputi orang-orang Islam dan bukan Islam. Sistem penamaan sama sekali berbeza dengan Ordinan Wasiat 1959 yang terpakai kepada orang-orang bukan Islam sahaja (Mohd Ridzuan Awang 1994 & Jasni Sulong 2011). Malahan, isu penamaan ini juga telah dibincangkan

---

<sup>1</sup> Mohd Musa Bin Sarip, MA Pengajian Islam, Pensyarah, KUIS, mmusasarip@gmail.com

<sup>2</sup> Mohamad Sabri Bin Haron, Phd, Prof. Madya, Dr. UKM, sabrie@ukm.my

<sup>3</sup> Khairul Anwar Bin Mastor, PhD, Professor, Dr. UKM, kam2000@ukm.my

dalam pelbagai peringkat pertemuan oleh golongan agamawan. Perbincangan dimulakan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (kini dikenali Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan) telah mengeluarkan fatwa pertama berkenaan status harta penama orang Islam dan dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 20 September 1973 adalah seperti berikut;

Penama-penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan Syarikat Kerjasama sebagai orang yang melaksanakan wasiat si mati daripada sumber-sumber tersebut untuk dibahagikan kepada orang yang berhak menurut pembahagian faraid [M.L.J 10 1974].

Perkara yang sama juga telah dibahaskan pada peringkat seterusnya di dalam satu kertas kerja oleh Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan bertarikh 19 September 2000 (Narizan Abdul Rahman 2006 & Jasni Sulong 2011). Hasil daripada muzakarah telah mengeluarkan fatwa berkenaan hukum wang simpanan KWSP, SOCSO dan seumpamanya bagi pencaharum yang beragama Islam yang meninggal dunia berbunyi seperti berikut:

- i. Wang KWSP dan yang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan menurut hukum faraid.
- ii. Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid.
- iii. Bahagian Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah menasihatkan KWSP supaya menyemak semula peraturan dan undang-undang yang sedia ada berhubung dengan penamaan supaya selaras dengan hukum syarak.

Fatwa kebangsaan mengenai status harta penama telah mengorak langkah kepada beberapa negeri untuk mewartakan status harta penama kepada pemilik harta alih beragama Islam di negeri Kedah, Kelantan, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan (Jasni Sulong 2011). Negeri Selangor umpamanya, telah mengeluarkan fatwa dan mewartakan pada 9 Mei 2002 dengan menyatakan bahawa harta penama sebagai harta pusaka dan wasi adalah sebagai pemegang amanah (Mufti Selangor 500-2: PU Sel. AGM). Begitu juga di Wilayah Persekutuan telah mewartakan pada 18 Januari 2001 perkara yang sama di atas, dengan menggunakan seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993).

Berdasarkan kepada fatwa tersebut, jelas bahawa konsep wasi adalah suatu bentuk pemberian amanah atau pengamanahan sesuatu dalam Islam dikenali sebagai *wisoyah*, iaitu bersamaan dengan konsep *will* atau wasiat dalam undang-undang sivil. Oleh yang demikian, penggunaan konsep wasi adalah bersesuaian dalam pelaksanaan sistem penama sebagaimana yang telah difatwakan (Mohd Ridzuan Awang 1994 & Abdul Aziz Hassan & Yusmawati Yusop 2006). Tanggungjawab penama sebagai pemegang amanah merupakan pelaksana segala arahan dan pentadbiran pusaka

selepas kematian (Naziree Md Yusof 2008 & Nasrul Hisyam Nor Muhammad, 2012). Wisayah juga mempunyai rukun dan syarat-syarat yang mesti dipatuhi, iaitu orang yang diamanahkan (*wasi*), orang yang mengamanahkan (*musi*), harta yang diamanahkan dan juga *sighah ijab* dan *qabul* (al-Nawawi A. Z. t.th & al-Sharbiniyy al-Khatib 1997).

Walau bagaimanapun, penglibatan pemilik harta alih khususnya pencarum di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terhadap pelaksanaan sistem penamaan ini masih di peringkat yang rendah (Jasni Sulong 2011). Menurut laporan oleh KWSP, pada tahun 2003 hanya kira-kira 30.8 peratus iaitu 3.2 daripada 10.4 juta ahli sahaja yang telah membuat penamaan terhadap caruman masing-masing (News Straits Time 9 November 2003). Manakala pada tahun 2009 pula dicatatkan masih sekitar 30 peratus sahaja yang telah mempunyai penama berbanding lebih 11 juta pencarum KWSP yang berdaftar (Hizwani Hassan 2009 & Suhaida Abu Bakar 2010). Bahkan sehingga Oktober 2012 didapati hanya seramai 3.4 juta daripada lebih 13 juta pencarum KWSP mempunyai penama, iaitu dianggarkan hanya 26 peratus pencarum yang telah menamakan penama ke atas wang simpanan persaraan mereka (Farizan Kamaluddin 2012).

Jika dilihat dari sudut jumlah pengeluaran wang simpanan KWSP akibat kematian dalam masa empat tahun kebelakang didapati sentiasa meningkat daripada setiap tahun sama ada dari segi bilangan kes mahupun jumlah pengeluaran wang keseluruhannya. Sebagai contoh, peningkatan kes tuntutan pada tahun 2011 dengan tahun 2008 menunjukkan bahawa sebanyak 73 peratus kenaikan kes tuntutan akibat kematian dicatatkan (Laporan Tahunan 2011 & Laporan Tahunan 2008). Kenaikan bilangan kes ini menunjukkan isyarat yang jelas tentang ketidakseimbangan antara bilangan kes pengeluaran dengan jumlah pelantikan penama yang telah dibuat di KWSP. Situasi ini mengundang kepada kegagalan matlamat utama sistem penamaan diwujudkan dan kegagalan membuat penama membawa kepada kelewatan tempoh pengurusan wang simpanan persaraan si mati untuk diagihkan kepada waris yang ditinggalkan. Wang simpanan persaraan si mati juga akan menjadi beku dalam tempoh yang panjang jika tiada proses tuntutan dibuat. Dalam kes ketiadaan penamaan penama atau wasi, tuntutan wang pencarum tanpa wasi memerlukan kepada prosedur dan dokumen-dokumen penting daripada pihak lain seperti Surat Probet, Surat Kuasa Mentadbir, Surat Perintah Pembahagian atau Sijil Faraid. Urusan untuk mendapatkan dokumen perundangan tersebut biasanya akan mengambil masa tiga hingga enam bulan bahkan boleh sampai bertahun-tahun untuk diperolehi, bahkan juga melibatkan kos yang tinggi (Suhaida Abu Bakar, 2010).

Secara tidak langsung, ketiadaan penama juga boleh membawa kepada pengurusan agihan harta perwarisan Islam tergendala dan akibatnya lebih satu juta hak milik masih didaftarkan dengan nama si mati dengan nilai hartanah dan jumlah wang yang dibekukan kerana kematian dianggarkan mencecah RM 42 bilion (Utusan Malaysia 2011). Manakala sebanyak RM 120 juta masih tidak dituntut di Amanah Raya Berhad dan RM 70 juta di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Harian Metro 2011 & Dewan Masyarakat 2007). Bukan itu sahaja, kelewatan proses penyelesaian agihan harta pusaka juga membawa kepada kesan-kesan lain antaranya harta pusaka tidak dapat dikembangkan dengan sempurna dan berlaku masalah sosial dalam institusi

kekeluargaan. Sebagai contoh, masalah kelewatan penyelesaian pusaka akan menyumbang kepada penindasan atas harta anak yatim (surah al-Nisa' 4: 10) atau perbuatan memakan harta secara batil (surah al-Nisa' 4: 29). Masalah-masalah yang dinyatakan boleh mengundang ketidakstabilan dan keharmonian dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan juga boleh membawa kepada akhlak yang buruk dalam kalangan masyarakat Islam (Abdul Aziz Hassan et al. 2006, Nasrul Hisyam Nor Muhammad 2012 & Kasimah Kamaruddin & Md Yazid Ahmad,, 2012).

Berdasarkan kepada isu dan masalah di atas menunjukkan bahawa amalan penamaan wasi dalam kalangan pencarum Islam masih ditahap yang rendah. Secara teori, ini boleh berlaku disebabkan oleh kefahaman dalam kalangan pencarum itu sendiri terhadap sistem penamaan yang diamalkan sekarang. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat sejauh mana tahap kefahaman dalam kalangan pencarum KWSP ke atas sistem penamaan wasi sedia ada. Objektif kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah tahap kefahaman terhadap amalan penamaan wasi dalam kalangan pencarum KWSP yang beragama Islam.

## **2.0 Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Kajian ini turut menggunakan kaedah *non-probability* kerana tujuan kajian bukan untuk digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi. Sebaliknya, kajian ini lebih berbentuk kajian deskriptif yang bertujuan memberikan gambaran awal tentang tahap kefahaman dan sikap penerimaan ke atas sistem penamaan dalam kalangan pencarum KWSP yang beragama Islam. Responden kajian terdiri daripada pencarum KWSP yang beragama Islam di negeri Selangor. Sejumlah 700 borang soal selidik telah diedarkan kepada pencarum melalui kaedah persampelan bertujuan. Sebanyak 602 borang soal selidik telah berjaya dikumpulkan dan setelah disemak hanya 556 borang soal selidik sesuai digunakan untuk analisis seterusnya. Analisis kuantitatif menggunakan program IBM SPSS versi 20 digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh ditukar kepada kod-kod tertentu yang akan mewakili pemboleh ubah sepertimana terdapat dalam soal selidik. Data kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Soalan kefahaman dikemukakan dalam bentuk pilihan jawapan betul atau benar. Borang soal selidik terdapat dua bahagian, iaitu bahagian (a) adalah demografi responden dan bahagian (b) kefahaman terhadap konsep penamaan wasi di KWSP. Bahagian (a) mempunyai enam soalan, manakala bahagian (b) pula mempunyai lapan soalan.

## **3.0 Dapatan Kajian**

### **3.1 Latar Belakang Responden**

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan seramai 556 orang responden yang terdiri daripada pencarum KWSP yang beragama Islam di negeri Selangor. Jadual 3.1 seperti di bawah menunjukkan profil responden berdasarkan jantina, umur, tahap akademik, pendapatan bulanan, status perkahwinan dan sektor pekerjaan. Dalam kajian ini, seramai 339 pencarum adalah dalam kalangan perempuan (61.0%) dan bakinya 217

pencaerum lelaki (39.0%) telah dilibatkan. Berdasarkan umur responden, didapati 246 orang pencaerum (44.2%) berumur 31 hingga 40 tahun, 225 orang pencaerum (40.5%) berumur 30 tahun ke bawah, 68 orang pencaerum (12.2%) berumur 41 hingga 50 tahun dan 17 orang pencaerum (3.1%) berumur 51 tahun ke atas. Manakala tahap akademik responden pula adalah 166 orang pencaerum (29.9%) memiliki sijil diploma, 128 orang pencaerum (23.0%) berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan ke bawah, 103 orang pencaerum (18.5%) memiliki sijil sarjana muda, 90 orang pencaerum (16.2%) berkelulusan sarjana, 61 orang pencaerum (11.0%) mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan setaraf dengannya dan 8 orang pencaerum (1.4%) memiliki kelulusan doktor falsafah.

Selanjutnya profil responden berdasarkan pendapatan bulanan, 212 orang pencaerum (38.1%) berpendapatan kurang dari RM1500.00, 184 orang pencaerum (33.1%) berpendapatan RM1501.00 hingga RM3000.00, 129 orang pencaerum (23.2%) berpendapatan RM3001 hingga RM5000.00 dan 31 orang pencaerum (5.6%) mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM5001.00 ke atas. Manakala dalam aspek status perkahwinan responden, 400 orang pencaerum (71.%) dalam perkahwinan, 143 orang pencaerum (25.7%) masih bujang dan 13 orang pencaerum (2.3%) telah menjadi janda atau pun duda. Dalam sektor pekerjaan pula, seramai 384 orang pencaerum (62.6%) adalah terdiri daripada kakitangan swasta dan bakinya 208 orang pencaerum (37.4%) bekerja dalam sektor awam.

Jadual 3.1 Profil Responden Keseluruhan

Responden	Kekerapan	Peratus (%)	
Jantina	Perempuan	339	61.0
	Lelaki	217	39.0
Umur	31 - 40 tahun	246	44.2
	30 tahun ke bawah	225	40.5
	41 - 50 tahun	68	12.2
	51 ke atas	17	3.1
Tahap Akademik	Diploma	166	29.9
	UPSR/PMR/SPM	128	23.0
	Sarjana Muda	103	18.5
	Sarjana	90	16.2
	STPM/A-Level/Asasi	61	11.0
	Doktor Falsafah	8	1.4
Pendapatan Bulanan	Kurang dari RM1500	212	38.1
	RM1501-RM3000	184	33.1
	RM3001-RM5000	129	23.2
	RM5001 ke atas	31	5.6
Status Perkahwinan	Berkahwin	400	71.9
	Bujang	143	25.7
	Janda/Duda	13	2.3
Sektor Pekerjaan	Kakitangan swasta	348	62.6
	Kakitangan awam	208	37.4

### 3.2 Dapatan Analisis Kefahaman Pencarum terhadap Sistem Penamaan Wasi dalam Islam

Hasil analisis tahap kefahaman pencarum terhadap konsep penamaan wasi yang diamalkan di KWSP telah dibuat dalam Jadual 3.2 seperti di bawah. Analisis data menunjukkan bahawa daripada lapan item yang digunakan menunjukkan sebahagian besar responden mempunyai jawapan yang salah atau tidak tepat, iaitu sebanyak lima item. Responden menjawab dengan jawapan yang salah adalah item seperti 'selepas kematian pencarum Islam, wang persaraan ahli di KWSP adalah dikira sebagai' iaitu seramai 381 orang responden (68.5%), item 'kedudukan wang persaraan ahli di KWSP selepas kematiannya telah diputuskan/difatwakan oleh' seramai 330 orang responden (59.4%), item 'sistem penamaan yang diamalkan di KWSP adalah Sistem penamaan yang diamalkan di KWSP adalah selari dengan konsep \_\_\_\_\_ dalam undang-undang Islam' iaitu 415 orang responden (74.6%), item 'peranan penama dalam sistem penamaan bagi orang bukan Islam adalah sama dengan orang Islam', seramai 390 orang responden (70.1%) dan item 'pengeluaran wang persaraan si mati tanpa penama, pemohon/waris perlu mengemukakan Surat Probet/Kuasa Pentadbiran/Perintah Pembahagian atau Sijil Faraid ke KWSP' adalah seramai 299 orang responden (53.8%).

Bagi baki tiga item yang lain, majoriti responden dapat menjawab soalan dengan tepat. Tiga item tersebut ialah 'penama yang dilantik dalam sistem penamaan KWSP bagi orang Islam dianggap sebagai' iaitu seramai 280 orang responden (50.4%), item 'borang penamaan KWSP merupakan dokumen yang sah di sisi undang-undang sivil' iaitu 418 orang responden (75.2%) dan item 'sebelum pengagihan wang KWSP kepada waris dilakukan, penama perlu menolak kos pengurusan jenazah, hutang-piutang dan wasiat si mati jika ada terlebih dahulu' ialah 312 orang responden (56.1%).

Jadual 3.2 Tahap Kefahaman Pencarum Berdasarkan Item Keseluruhan

Pemboleh ubah	Skor	f	%
Penama yang dilantik dalam sistem penamaan KWSP bagi orang Islam dianggap sebagai	Betul	280	50.4
	Salah	276	49.6
Selepas kematian pencarum Islam, wang persaraan ahli di KWSP adalah dikira sebagai	Salah	381	68.5
	Betul	175	31.5
Kedudukan wang persaraan ahli di KWSP selepas kematiannya telah diputuskan/difatwakan oleh	Salah	330	59.4
	Betul	226	40.6
Borang penamaan KWSP merupakan dokumen yang sah di sisi undang-undang sivil.	Betul	418	75.2
	Salah	138	24.8
Sebelum pengagihan wang KWSP kepada waris dilakukan, penama perlu menolak kos pengurusan jenazah, hutang-piutang dan wasiat si mati jika ada terlebih dahulu.	Betul	312	56.1
	Salah	244	43.9
Sistem penamaan yang diamalkan di KWSP adalah Sistem penamaan yang diamalkan di KWSP adalah selari dengan konsep _____ dalam undang-undang Islam.	Salah	415	74.6
	Betul	141	25.4
Peranan penama dalam sistem penamaan bagi orang bukan Islam adalah sama dengan orang Islam.	Salah	390	70.1
	Betul	166	29.9

Pengeluaran wang persaraan si mati tanpa penama, pemohon/waris perlu mengemukakan Surat Probet/Kuasa Pentadbiran/Perintah Pembahagian atau Sijil Faraid ke KWSP.	Salah	299	53.8
	Betul	257	46.2

Berikut adalah analisis data berkaitan tahap kefahaman responden mengenai konsep penamaan wasi di KWSP. Berdasarkan data analisis dalam Jadual 3.3 di bawah, analisis data menunjukkan 93 orang (16.8%) mempunyai tahap kefahaman yang sangat rendah, 185 orang (33.3%) tahap kefahaman yang rendah, 95 orang (17.1%) sederhana, 146 orang (26.3%) berada pada tahap tinggi dan 37 orang (6.6%) mempunyai tahap kefahaman yang sangat baik. Data ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden 278 orang (50.1%) hanya mampu memahami sebahagian kecil amalan penamaan wasi yang dilaksanakan di KWSP. Manakala hanya 32 peratus responden sahaja yang mampu mengetahui sebahagian besar asas amalan penamaan wasi dengan baik.

Jadual 3.3 Skor Tahap Kefahaman Responden Terhadap Konsep Penamaan Wasi

Bilangan Jawapan yang Betul	f	%	Tahap
0	32	5.8	Sangat Rendah
1	61	11.0	Sangat Rendah
2	74	13.3	Rendah
3	111	20.0	Rendah
4	95	17.1	Sederhana
5	91	16.4	Tinggi
6	55	9.9	Tinggi
7	28	5.0	Sangat Tinggi
8	9	1.6	Sangat Tinggi
	556	100	

Analisis berikutnya, skor tahap kefahaman dalam Jadual 3.3 di atas telah di analisis ke peringkat seterusnya. Hasil analisis deskriptif kajian ini juga seperti dalam Jadual 3.4 seperti di bawah, mendapati skor min keseluruhan bagi analisis data tahap kefahaman responden berada pada tahap sederhana rendah iaitu min 2.73 dan sisihan piawai 1.20. Analisis ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kefahaman responden berada pada aras yang boleh dikatakan masih rendah dalam kalangan pencarum yang beragama Islam terhadap konsep penamaan wasi di KWSP.

Jadual 3.4 Skor Min Tahap Kefahaman Terhadap Konsep Penamaan Wasi

Sub Kategori	Min	s.p	Tahap
Kefahaman Konsep Penamaan	2.73	1.208	Sederhana Rendah

#### 4.0 Kesimpulan

Melalui dapatan yang diperolehi daripada maklum balas responden, kajian ini menyimpulkan secara keseluruhannya tahap kefahaman pencharum KWSP yang beragama Islam masih berada pada tahap membimbangkan iaitu sederhana rendah. Hal ini boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam pembahagian pusaka dalam kalangan orang-orang Islam seperti pengurusan harta pusaka akan menjadi lambat dan boleh berlaku pergaduhan di antara penama dan pewaris yang berhak. Justeru, jelas menunjukkan bahawa sistem penamaan adalah salah satu mekanisme pengurusan harta yang signifikan dalam menangani masalah penyelesaian pengurusan pusaka orang-orang Islam jika dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, disarankan agar pihak-pihak berkenaan perlu mempertingkatkan lagi usaha untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang hal-hal yang berkaitan dengan sistem penamaan dan *wisoyah*. Usaha-usaha meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan pencharum boleh dibuat melalui kempen-kempen dan juga ceramah-ceramah kesedaran berkenaan sistem penamaan wasi atau *wisoyah* dalam kalangan orang-orang Islam. Pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep *wisoyah* dapat melahirkan sikap pencharum yang positif terhadap amalan sistem penamaan wasi agar dapat mengelakkan kelewatan pengurusan harta pusaka dan kekeliruan pada masa akan datang.

#### 5.0 Rujukan

Al-Quran Al-Karim Pimpinan ar-Rahman

2008. *Laporan Tahunan 2008*. Kuala Lumpur: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

2011. *Laporan Tahunan 2011*. Kuala Lumpur: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Abdul Aziz Hassan & Yusmawati Yusop. 2006. perancangan harta di ZAR Perunding Pusaka Sdn. Bhd. In Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

al-Nawawi, A. Z. t.th. *Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.

al-Nawawi, Y. B. 1995. *Raudah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftiyin*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

al-Sharbiniyy al-Khatib, S. a.-D. 1997. *Munghni al-Muhtaj ila Ma'rifat ma'ani al-faz al-Minhaj* (Vol. Jld. 2). Beirut: Dar al-Macrifah.

Berita Harian. 2010, Jun 25. *Elak keluarga bertelingkah rebut pusaka*. Amanah Raya Berhad.

Dewan Masyarakat. 2007, Julai.

- Farizan Kamaluddin. 2012, Disember 11. *Amalan Sistem Penamaan KWSP*.
- Harian Metro. 2011, Julai 29. Setempat. *RM120j harta tak dituntut*.
- Hizwani Hassan. 2009, September 6. *Sistem Penama KWSP*.
- Jasni Sulong. (2011). *Pembaharuan undang-undang pentadbiran pusaka Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kasimah Kamaruddin & Md Yazid Ahmad. 2012. Analisis Kefahaman Penulisan Wasiat Orang Islam di Negeri Melaka. *Journal Islamiyyat, Jld. 34*, hlm. 71-82.
- Mohd Ridzuan Awang. 1994. *Undang-Undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.L.J 10, 1 1974.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2012. *Wasiat & Wisayah Prinsip dan Amalan dalam Perancangan Harta*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Naziree Md Yusof. 2008. Hukum Wisayah & Realitinya Permasalahannya dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam. *Jurnal Muamalat, Bil. 1*.
- News Straits Time. 2003, 9 November.
- Suhaida Abu Bakar. 2010. *Penamaan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Tabung Haji: Satu Kajian Menurut Undang-Undang Islam* Disertasi Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Utusan Malaysia. 2011, Mac 30. *RM42b harta dibeku*.